

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN HAJI HASBI BIN HAJI
HABIBOLLAH**

KAWASAN : LIMBANG

TARIKH : 9 JUN 2015, SELASA

SOALAN:

YB. TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH (LIMBANG) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan sejauh manakah ‘quality assurance’ yang telah dibuat untuk penaiktarafan Jalan Persekutuan yang sedang dilaksanakan di bawah peruntukan sebanyak RM70 juta pada tahun lepas di Limbang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan pada tahun 2012 telah meluluskan peruntukan sebanyak RM70 juta untuk melaksanakan projek menaik taraf Jalan Tedungan ke Pandaruan di Limbang. Skop projek ini dan status semasa kemajuan projek berkenaan adalah seperti berikut:

1. Menaik taraf 4 persimpangan utama di Kubong, SMK Kubong, Ng. Mendamit dan Meritam. Kemajuan semasa: 37% siap;
2. Menaik taraf Jalan Persekutuan di Pekan Limbang kepada laluan 4 lorong 2 hala sepanjang 2.6 km. Projek ini sedang dalam peringkat akhir untuk ditender;
3. Melebarkan Jalan masuki CIQ Tedungan kepada reka bentuk piawaian JKR R5. Kemajuan: telah siap;
4. Mengukuhkan kualiti turapan Jalan Tedungan ke Pandaruan sepanjang 8.7 km. Kemajuan: telah siap;
5. Menggantikan 8 unit pembetung ('culvert') di sepanjang Jalan Tedungan ke Pandaruan. Kemajuan: 87 siap; dan
6. Menaik taraf 14 kawasan berselekoh tajam di di sepanjang Jalan Tedungan ke Pandaruan. Projek ini dijangka akan dimulakan pada bulan Ogos 2015.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini sentiasa komited untuk memastikan setiap projek yang dilaksanakan menetapi piawaian dan spesifikasi yang ditetapkan. Skop projek ini juga telah

disemak dan dinilai bagi memastikan output yang maksimum yang bakal diperoleh oleh pengguna daripada peruntukan yang telah diluluskan. Apabila siap kelak, projek ini akan diambil alih oleh bahagian penyenggaraan jalan untuk kerja-kerja penyelenggaraan rutin dan berkala.

Sekian. Terima kasih.